



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 7 TAHUN 2011

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT GRED A17, A22, A26

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2009 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan sebagaimana berikut:-

<u>Perkataan</u>	<u>Diganti Dengan</u>
Persekutuan	Negeri
Kerajaan Malaysia	Kerajaan Kelantan

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.


(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 18 Syaaban 1432H Bersamaan
20 Julai 2011

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 9(32)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

2) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

3) Semua Ketua Unit/Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2009

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU LAUT GRED A17, A22, A26**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan menggabungkan skim-skim perkhidmatan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Laut.

LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana dimaklumi, hierarki struktur perkhidmatan laut di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Sokongan berkecualan diploma atau diiktiraf setaraf telah dimantapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2007 dengan mengambil kira prinsip kesetaraan peranan dan fungsi, perluasan skop bidang tugas serta perubahan perakuan kekompetenan yang diiktiraf oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa di bawah *Standard of Training Certification and Watchkeeping Convention 1978* (pindaan STCW 1995).

3. Sejajar dengan pemantapan tersebut di samping meningkatkan peluang kemajuan kerjaya pegawai, lima (5) skim perkhidmatan di peringkat Kumpulan Sokongan yang melaksanakan skop fungsi yang berkaitan dengan bidang pengangkutan laut iaitu Merinyu Laut

Gred A17, A22, A26, Serang Gred A17, A22, A26, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut Gred A1, A11/12, A18, A22, Kelasi/ Jurumudi Gred A1, A3/4 dan Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 digabungkan kepada satu skim perkhidmatan yang baharu iaitu Pembantu Laut.

SKIM PERKHIDMATAN BAHARU

4. Skim perkhidmatan baharu ini dinamakan Pembantu Laut. Di antara perbekalan yang terdapat dalam skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

Gred Gaji/ Gred Jawatan:

- (a) Gred gaji/ gred jawatan yang diperuntukkan ialah Gred A17, A22, A26.

Syarat Lantikan:

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T1); atau
- (c) *Mate on Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T3); atau
- (d) *Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T3); atau
- (e) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T4); atau
- (f) *Officer Incharge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T8);

- dan (g) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL):

- (h) Skim perkhidmatan Pembantu Laut ini memperuntukkan KPSL kepada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Gred A29, tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.
5. Skim perkhidmatan Pembantu Laut yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan format iklan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2 dan C3**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran D** dan perubahan perbekalan KPSL ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Gred A29 adalah seperti di **Lampiran E**.

PELAKSANAAN

6. Semua pegawai dalam skim-skim perkhidmatan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api yang dilantik secara tetap dan melaksanakan skop fungsi yang berkaitan dengan bidang pengangkutan laut adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut mengikut gred-gred seperti berikut:

(a) Skim Perkhidmatan Merinyu Laut dan Serang:

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Merinyu Laut dan Serang, pertukaran pelantikan adalah dari **gred ke gred** yang setara seperti berikut:

- (i) Merinyu Laut Gred A17 dan Serang Gred A17 ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;
- (ii) Merinyu Laut Gred A22 dan Serang Gred A22 ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A22; dan

- (iii) Merinyu Laut Gred A26 dan Serang Gred A26 ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A26.

(b) Skim Perkhidmatan Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut:

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, pertukaran pelantikan adalah dari **gred asal ke gred lantikan dengan kelonggaran syarat** seperti berikut:

- (i) Juruenjin Laut Gred A11/12 **yang memenuhi syarat skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17** akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;
- (ii) Juruenjin Laut Gred A11/12 **yang berkecualan PMR/ SRP atau kekecualan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;**
- (iii) Juruenjin Laut Gred A11/12 **yang berkecualan PMR/ SRP atau kekecualan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi belum memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan dikekalkan di skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).** Pegawai akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut atau genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang;
- (iv) Juruenjin Laut Gred A12 **yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;**

- (v) **Juruenjin Laut Gred A12 yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan tetapi belum memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan dikekalkan di skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.** Pegawai akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut atau genap 15 tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang;
- (vi) Juruenjin Laut Gred A18 akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 dengan gaji secara KUP atas Gred A18;
- (vii) **Pembantu Juruenjin Laut Gred A1 yang memenuhi syarat skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17** akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;
- (viii) **Pembantu Juruenjin Laut Gred A1 yang berkelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;**
- (ix) **Pembantu Juruenjin Laut Gred A1 yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17; dan**
- (x) **Pembantu Juruenjin Laut Gred A1 yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan tetapi belum memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan dikekalkan di skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.** Pegawai akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut.

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Juruenjin Laut, Gred A22 pertukaran pelantikan adalah dari gred ke gred iaitu ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A22;

(c) Skim Perkhidmatan Kelasi/ Jurumudi:

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Kelasi/ Jurumudi, pertukaran pelantikan adalah dari **gred asal ke gred lantikan dengan kelonggaran syarat** seperti berikut:

- (i) Jurumudi Gred A3/4 **yang telah memenuhi syarat skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17** akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;
- (ii) Jurumudi Gred A3/4 **yang berkelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;**
- (iii) Jurumudi Gred A3/4 **yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;**
- (iv) Jurumudi Gred A3/4 **yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan tetapi belum memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan dikekalkan di skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.** Pegawai akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut atau genap 15 tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang;

- (v) Kelasi Gred A1 yang telah memenuhi syarat skim perkhidmatan **Pembantu Laut Gred A17** akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;
- (vi) Kelasi Gred A1 yang berkelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;
- (vii) Kelasi Gred A1 yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17; dan
- (viii) Kelasi Gred A1 yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan tetapi belum memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan dikekalkan di skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. Pegawai akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut atau genap 15 tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang.

(d) Skim Perkhidmatan Penjaga Rumah Api:

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penjaga Rumah Api, pertukaran pelantikan adalah dari **gred asal ke gred lantikan dengan kelonggaran syarat** seperti berikut:

- (i) Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 yang memenuhi syarat skim perkhidmatan **Pembantu Laut Gred A17** akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;

- (ii) Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 **yang berkekeluargaan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17;**
- (iii) Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 **yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17; dan**
- (iv) Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 **yang berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan tetapi belum memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan dikekalkan di skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.** Pegawai akan ditukar lantik ke Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut.

7. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

8. Ketua Jabatan/ Perkhidmatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut keperluan dan kesesuaian bagi:

- (a) mewujudkan jawatan Pembantu Laut Gred A17, A22, A26 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Merinyu Laut Gred A17, A22, A26, Serang Gred A17, A22, A26, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut Gred A1, A11/12, A18, A22, Kelasi/ Jurumudi Gred A1, A3/4 dan Penjaga Rumah Api Gred A1, A14; atau
- (b) mewujudkan jawatan secara KUP bagi pegawai yang belum layak semasa pertukaran pelantikan dan pegawai akan ditukar lantik ke jawatan Pembantu

Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan; atau

- (c) mewujudkan jawatan secara KUP bagi pegawai yang menolak tawaran pertukaran pelantikan dan pegawai akan kekal di jawatan tersebut secara KUP sehingga pegawai meninggalkan perkhidmatan.

PEMBERIAN OPSYEN

9. Berikutan pelaksanaan skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17, A22, A26, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan akan menawarkan opsyen tukar lantik kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan Merinyu Laut Gred A17, A22, A26, Serang Gred A17, A22, A26, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut A1, A11/12, A18, A22, Kelasi/ Jurumudi A1, A3/4 dan Penjaga Rumah Api A1, A14 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

10. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau tidak menerima tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan berkaitan. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

11. Tawaran opsyen ini diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap termasuk pegawai yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih opsyen Sistem Saraan Malaysia.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan

(e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 12, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama **(30 hari)** untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

15. Bagi maksud urusan pemberian opsyen **pegawai yang telah layak**, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen untuk skim perkhidmatan Pembantu Laut yang baharu adalah seperti berikut:

- (a) Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan : **Lampiran F**
- (b) Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan : **Lampiran F1**
- (c) Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan : **Lampiran F2**

16. Manakala bagi maksud urusan pemberian opsyen **pegawai yang belum layak**, syarat-syarat pertukaran pelantikan adalah seperti di Lampiran F1 dan contoh surat tawaran opsyen serta borang opsyen adalah seperti di Lampiran F3 dan F4.

- (a) Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan : **Lampiran F3**
- (b) Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan : **Lampiran F4**

17. Pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan adalah tidak terlibat dalam urusan pemberian opsyen ini.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

18. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api ke skim perkhidmatan Pembantu Laut yang baharu adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Merinyu Laut Gred A17 dan Serang Gred A17 **yang belum disahkan dalam perkhidmatan** hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** gred jawatan baharu Pembantu Laut A17;
- (b) Merinyu Laut Gred A17 dan Serang Gred A17 **yang telah disahkan dalam perkhidmatan** hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P)** di gred jawatan baharu Pembantu Laut A17 **yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa** di gred jawatan asal. Jika mata gaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Merinyu Laut Gred A22 dan Serang Gred A22 hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran** dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baharu Pembantu Laut A22 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (d) Merinyu Laut Gred A26 dan Serang Gred A26 hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran** dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baharu Pembantu Laut A26 **yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal**. Jika mata gaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (e) Pembantu Juruenjin Laut Gred A1, Juruenjin Laut Gred A11, Kelasi Gred A1, Jurumudi Gred A3 dan Penjaga Rumah Api Gred A1 **yang belum disahkan dalam perkhidmatan** dan telah memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** gred jawatan baharu Pembantu Laut A17;
- (f) Pembantu Juruenjin Laut/Juruenjin Laut Gred A1, A11, Kelasi/Jurumudi Gred A1, A3 dan Penjaga Rumah Api Gred A1 **yang telah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal** dan telah memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** di gred jawatan baharu Pembantu Laut A17 **yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa** di gred jawatan asal. Jika mata gaji di Peringkat 1 (P1) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (g) Pembantu Juruenjin Laut/Juruenjin Laut Gred A12, Kelasi/Jurumudi Gred A4 dan Penjaga Rumah Api Gred A14 yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** di gred jawatan baharu Pembantu Laut A17 **yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa** di gred jawatan asal. Jika mata gaji di Peringkat 1 (P1) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (h) Juruenjin Laut Gred A18 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang satu Pergerakan Gaji Biasa. Gajinya dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada sehingga layak dinaikkan pangkat ke Juruenjin Laut Gred A22;
- (i) Juruenjin Laut Gred A22 hendaklah ditawarkan **mata gaji tertinggi berhampiran** dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baharu Pembantu Laut A22 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji

mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;

- (j) Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut Gred A1, A11/12, Kelasi/ Jurumudi Gred A1, A3/4 dan Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 **yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan** hendaklah dikekalkan secara KUP dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal. Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke mata gaji baharu di Peringkat 1 (P1) Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

19. Sekiranya **mata gaji di gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP)** hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Laut adalah seperti di **Lampiran G, G1, G2, G3, G4, G5, G6, G7, G8 dan G9**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

21. Pergerakan gaji tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred gaji jawatan asal pada 2 Julai 2009 sebelum diselaraskan ke Gred A17.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan ini. TPG baharu ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

23. Pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa bagi skim perkhidmatan Pembantu Laut.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

24. Merinyu Laut Gred A17, A22, A26, Serang Gred A17, A22, A26 dan Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut Gred A18, A22 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut di atas gred jawatan yang sama atau setaraf boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi untuk dinilai setara jika kompetensi kedua-dua skim perkhidmatan adalah sama atau tidak jauh berbeza. Sekiranya dipersetujui, kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di jawatan asal boleh diguna pakai sebagai salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

25. Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut Gred A1, A11/12, Kelasi/ Jurumudi Gred A1, A3/4 dan Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut tidak boleh mengguna pakai kelulusan PTK di gred asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan Pembantu Laut.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

26. Dalam melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah pelaksanaan opsyen yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui Jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

- (i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Pihak Berkuasa Melantik;
- (ii) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan disimpan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan manakala satu (1) lagi salinan untuk pegawai berkenaan; dan

- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

27. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**.


PEMBATALAN

28. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang berkuat kuasa melalui Lampiran E Pekeling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2007 adalah dibatalkan kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini.

PEMAKAIAN

29. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

17 Jun 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 2 JULAI 2009

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred A17	:	P1T1 RM829.45	-	P1T24 RM2178.66
		P2T1 RM882.39	-	P2T24 RM2299.69
		P3T1 RM936.84	-	P3T24 RM2425.14
Gred A22	:	P1T1 RM1735.44	-	P1T15 RM2866.82
		P2T1 RM1877.62	-	P2T15 RM3184.42
Gred A26	:	P1T1 RM2217.93	-	P1T9 RM3016.57
		P2T1 RM2431.19	-	P2T9 RM3302.39

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T1);
atau
 - Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T3);
atau

(iii) *Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T3); atau

(iv) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T4); atau

(v) *Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T8);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred A17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja, kemahiran atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pembantu Laut Gred A17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pembantu Laut Gred A17 boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Laut Gred A17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Laut Gred A17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pembantu Laut Gred A17 hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A22**

9. Pembantu Laut Gred A17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A22 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- (d) memiliki sijil kecekapan *Master Of Less Than 500GT Near Coastal Trade Voyages* atau *Officer In Charge Of Engineering Watch Of 750 kW or More Near Coastal Trade Voyages*; dan
- (e) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A26**

10. Pembantu Laut Gred A22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A26 apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- (c) memiliki sijil kecekapan *Officer Incharge Of Navigational Watch Of 500 GT or More Near Coastal Trade Voyages* atau lulus peperiksaan khas; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
LAUT**

11. Pembantu Laut yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2(3)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) **Jawatan** : PEMBANTU LAUT
(b) **Kementerian/Jabatan** : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
(c) **Kumpulan Perkhidmatan** : SOKONGAN
(d) **Klasifikasi Perkhidmatan** : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

2. JADUAL GAJI

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred A17	:	P1T1 RM829.45	-	P1T24 RM2178.66
		P2T1 RM882.39	-	P2T24 RM2299.69
		P3T1 RM936.84	-	P3T24 RM2425.14
Gred A22	:	P1T1 RM1735.44	-	P1T15 RM2866.82
		P2T1 RM1877.62	-	P2T15 RM3184.42
Gred A26	:	P1T1 RM2217.93	-	P1T9 RM3016.57
		P2T1 RM2431.19	-	P2T9 RM3302.39

3. **SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T1); atau
 - Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T3); atau

(iii) *Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T3); atau

(iv) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T4); atau

(v) *Officer Incharge of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T8);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- | | | |
|---|---|--|
| 4. TARAF JAWATAN | : | Tetap |
| 5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN | : | Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Laut adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang di buat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 6. FUNGSI BIDANG TUGAS | : | (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat). |
| 7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN | : | (Nyatakan tarikh tutup permohonan). |

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN
(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: A17 (PEMBANTU LAUT)
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA17000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009

JADUAL GAJI SSM: A17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	829.45	880.88	932.31	983.74	1035.17	1086.60	1138.03	1189.46	1240.89	1292.32	1343.75	1395.18	1446.61	1513.16	1579.71	1646.26	1712.81	1779.36	1845.91	1912.46	1979.01	2045.56	2112.11	2178.66
P2	882.39	935.33	988.27	1041.21	1094.15	1147.09	1200.03	1252.97	1305.91	1358.85	1411.79	1464.73	1534.31	1603.89	1673.47	1743.05	1812.63	1882.21	1951.79	2021.37	2090.95	2160.53	2230.11	2299.69
P3	936.84	991.29	1045.74	1100.19	1154.64	1209.09	1263.54	1317.99	1372.44	1426.89	1481.34	1553.94	1626.54	1699.14	1771.74	1844.34	1916.94	1989.54	2062.14	2134.74	2207.34	2279.94	2352.54	2425.14

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: A18 (PEMBANTU LAUT) KHAS UNTUK PENYANDANG
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA18000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009

JADUAL GAJI SSM: A18 KHAS UNTUK PENYANDANG

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	829.45	880.88	932.31	983.74	1035.17	1086.60	1138.03	1189.46	1240.89	1292.32	1343.75	1395.18	1446.61	1513.16	1579.71	1646.26	1712.81	1779.36	1845.91	1912.46	1979.01	2045.56	2112.11	2178.66
P2	936.84	991.29	1045.74	1100.19	1154.64	1209.09	1263.54	1317.99	1372.44	1426.89	1481.34	1553.94	1626.54	1699.14	1771.74	1844.34	1916.94	1989.54	2062.14	2134.74	2207.34	2279.94	2352.54	2425.14

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN
(RM SEBULAN)**

- I. GRED GAJI SSM: A22 (PEMBANTU LAUT)
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA22000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009

JADUAL GAJI SSM: A22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15
P1	1735.44	1801.99	1868.54	1935.09	2001.64	2068.19	2134.74	2201.29	2267.84	2367.67	2467.50	2567.33	2667.16	2766.99	2866.82
P2	1877.62	1950.22	2022.82	2095.42	2168.02	2240.62	2313.22	2422.12	2531.02	2639.92	2748.82	2857.72	2966.62	3075.52	3184.42

LAMPIRAN C3

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: A26 (PEMBANTU LAUT)**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA26000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009**

JADUAL GAJI SSM: A26

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	2217.93	2317.76	2417.59	2517.42	2617.25	2717.08	2816.91	2916.74	3016.57
P2	2431.19	2540.09	2648.99	2757.89	2866.79	2975.69	3084.59	3193.49	3302.39

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEMBANTU LAUT GRED A17**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Laut Gred A17.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Aspek Kewangan dan Personel

- a. Melaksanakan pengutipan hasil-hasil negeri dan persekutuan;
- b. Melaksanakan pengumpulan data-data kutipan hasil kerajaan;
- c. Melaksanakan pembelian aset dan perolehan pejabat;
- d. Bertanggungjawab dalam mengurus aset dan stor; dan
- e. Melaksanakan pengurusan kepatuhan dokumen-dokumen ISO jabatan.

3.2 Aspek Industri (Perkapalan)

- a. Melaksanakan pengurusan dokumen pendaftaran kapal dan bot;
- b. Menyediakan dokumen dalam pengurusan dan penyelarasan siasatan untuk tujuan pendakwaan kes-kes marin;
- c. Menyediakan dokumentasi kes-kes saman dan kompaun; dan
- d. Menyediakan rekod, perangkaan dan laporan pendaftaran kapal dan bot berlesen.

3.3 Aspek Keselamatan Pelayaran

- a. Membantu dalam pengurusan peralatan bantuan pelayaran beroperasi mengikut garis panduan *International Association Of Marine Aids To Navigation And Lighthouse Authority (IALA)*;
- b. Membantu dalam urusan yang berkaitan dengan melawan dan mengawal pencemaran marin;
- c. Membantu dalam aktiviti penerimaan bangkai kapal dan salvaj; dan
- d. Membantu mengumpul maklumat untuk penerbitan buku air pasang surut.

3.4 Aspek Hal-Ehwal Pelaut dan Pelabuhan

- a. Membantu dalam melaksanakan urusan dokumentasi pelaut;
- b. Bertanggungjawab dalam mengendalikan operasi bot;
- c. Bertanggungjawab dalam senggaraan dan inventori aset dan jeti jabatan;
- d. Melaksana urusan pentadbiran pejabat pelabuhan; dan
- e. Menyediakan perangkaan bot dan urusan pejabat pelabuhan secara berkala.

3.5 Aspek Penyelidikan dan Pembangunan (Latihan dan Infrastruktur)

- a. Membantu penyediaan maklumat dan dokumen dalam membangunkan program kursus latihan pelayaran (nautika); kejuruteraan marin mengikut piawaian yang ditetapkan;
- b. Membantu mempromosi program latihan melalui media cetak dan elektronik;
- c. Membantu dalam penyediaan penilaian dan analisis program latihan; dan
- d. Membantu dalam penyediaan dokumentasi program latihan dan penyelidikan.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ daerah/ negeri/ wilayah; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

4.2 Luaran

- a. Orang awam;
- b. Industri perkapalan;
- c. Kementerian/ Jabatan/ Agensi-agensi Kerajaan;
- d. Agensi antarabangsa; dan
- e. Pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan.

5. PERSEKITARAN KERJA

5.1 Dalam dan luar pejabat.

6. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

6.1 Pemegang Perakuan Kekompetenan; dan

6.2 *Hydrographer (Certificate of Category A&B, International Hydrographic Organisation (IHO)).*

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- 7.1 Kreatif, tekun dan sabar;
- 7.2 Minat untuk meningkat pengetahuan di dalam industri perkapalan;
- 7.3 Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat; dan
- 7.4 Mampu menunjukkan sikap kepimpinan yang baik.

8. ANCAMAN/ BAHAYA

8.1 Kemalangan ketika bertugas; dan

8.2 Terjebak dengan unsur penyelewangan dan rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEMBANTU LAUT GRED A22**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Laut Gred A22.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Aspek Kewangan dan Personel

- a. Membantu mengurus pengutipan hasil-hasil negeri dan persekutuan;
- b. Membantu mengurus pengumpulan data-data kutipan hasil kerajaan;
- c. Membantu mengurus pembelian aset dan perolehan pejabat;
- d. Membantu mengurus aset dan stor;
- e. Pengurusan dan penyelarasan kepatuhan dokumen-dokumen ISO jabatan; dan
- f. Membantu perancangan program latihan kepada kakitangan seliaan.

3.2 Aspek Industri (Perkapalan)

- a. Membantu dalam pengurusan dokumentasi pendaftaran kapal dan bot;
- b. Membantu penyediaan dokumen dalam pengurusan dan penyelarasan siasatan untuk tujuan pendakwaan kes-kes marin;
- c. Membantu dalam menyediakan kes-kes saman dan kompaun; dan
- d. Membantu dalam menyediakan rekod, perangkaan dan laporan pendaftaran kapal dan bot berlesen.

3.3 Aspek Keselamatan Pelayaran

- a. Membantu dalam pengurusan peralatan bantuan pelayaran beroperasi mengikut garis panduan *International Association Of Marine Aids To Navigation And Lighthouse Authority (IALA)*;
- b. Membantu dalam urusan yang berkaitan dengan melawan dan mengawal pencemaran marin;
- c. Membantu dalam pengurusan aktiviti trafik maritim;
- d. Membantu dalam aktiviti penerimaan bangkai kapal dan salvaj;
- e. Membantu perlaksanaan ukur hidrografi, kerja-kerja kartografi dan pengeluaran carta laut; dan
- f. Membantu mengumpul maklumat untuk penerbitan buku air pasang surut.

3.4 Aspek Hal-Ehwal Pelaut dan Pelabuhan

- a. Membantu dalam melaksanakan urusan dokumentasi pelaut;
- b. Bertanggungjawab dalam mengendalikan operasi bot;
- c. Bertanggungjawab dalam senggaraan dan inventori aset dan jeti jabatan;
- d. Melaksana urusan pentadbiran pejabat pelabuhan; dan
- e. Menyediakan perangkaan bot dan urusan pejabat pelabuhan secara berkala.

3.5 Aspek Penyelidikan dan Pembangunan (Latihan dan Infrastruktur)

- a. Menyediakan maklumat dan dokumen dalam membangunkan program kursus latihan pelayaran (nautika), kejuruteraan marin mengikut piawaian yang ditetapkan;
- b. Melaksanakan mempromosi program latihan melalui media cetak dan elektronik;
- c. Menjadi jurulatih di institut latihan;
- d. Menyediakan penilaian dan analisis program latihan; dan
- e. Menyediakan dokumentasi program latihan dan penyelidikan.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ daerah/ negeri/ wilayah; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

4.2 Luaran

- a. Orang awam;
- b. Industri perkapalan;
- c. Kementerian/ Jabatan/ Agensi-agensi Kerajaan;
- d. Agensi antarabangsa; dan
- e. Pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan.

5. PERSEKITARAN KERJA

5.1 Dalam dan luar pejabat.

6. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

6.1 Pemegang Perakuan Kekompetenan; dan

6.2 *Hydrographer (Certificate of Category A&B, International Hydrographic Organisation (IHO)).*

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- 7.1 Kreatif, tekun dan sabar;
- 7.2 Minat untuk meningkat pengetahuan di dalam industri perkapalan;
- 7.3 Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat; dan
- 7.4 Mampu menunjukkan sikap kepimpinan yang baik.

8. ANCAMAN/ BAHAYA

8.1 Kemalangan ketika bertugas; dan

8.2 Terjebak dengan unsur penyelewangan dan rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEMBANTU LAUT GRED A26**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Laut Gred A26

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Aspek Kewangan dan Personel

- a. Mengurus dan memantau pengutipan hasil-hasil negeri dan persekutuan;
- b. Mengurus penyediaan dan pengumpulan data-data kutipan hasil kerajaan;
- c. Mengurus pembelian aset dan perolehan pejabat;
- d. Pengurusan aset dan stor;
- e. Pengurusan dan penyelarasan kepatuhan dokumen-dokumen ISO jabatan; dan
- f. Membantu perancangan program latihan kepada kakitangan seliaan.

3.2 Aspek Industri (Perkapalan)

- a. Menyelia dalam pengurusan dokumentasi pendaftaran kapal dan bot;
- b. Menyelia penyediaan dokumen dalam pengurusan dan penyelarasan siasatan untuk tujuan pendakwaan kes-kes marin;
- c. Membantu dalam menyediakan kes-kes saman dan kompaun; dan
- d. Membantu dalam menyediakan rekod, perangkaan dan laporan pendaftaran kapal dan bot berlesen.

3.3 Aspek Keselamatan Pelayaran

- a. Membantu dalam pengurusan peralatan bantuan pelayaran beroperasi mengikut garis panduan *International Association Of Marine Aids To Navigation And Lighthouse Authority (IALA)*;
- b. Membantu dalam urusan yang berkaitan dengan melawan dan mengawal pencemaran marin;
- c. Membantu dalam pengurusan aktiviti trafik maritim;
- d. Membantu dalam aktiviti penerimaan bangkai kapal dan salvaj;
- e. Membantu pelaksanaan ukur hidrografi, kerja-kerja kartografi dan pengeluaran carta laut; dan
- f. Membantu mengumpul maklumat untuk penerbitan buku air pasang surut.

3.4 Aspek Hal-Ehwal Pelaut dan Pelabuhan

- a. Menyelia dalam urusan dokumentasi pelaut;
- b. Menyelia dalam pemantauan operasi, senggaraan dan inventori bot, jeti dan aset jabatan;
- c. Menyelia urusan pentadbiran pejabat pelabuhan; dan
- d. Membantu menyediakan perangkaan bot dan urusan pejabat pelabuhan secara berkala.

3.5 Aspek Penyelidikan dan Pembangunan (Latihan dan Infrastruktur)

- a. Menyediakan maklumat dan dokumen dalam membangunkan program kursus latihan pelayaran (nautika), kejuruteraan marin mengikut piawaian yang ditetapkan;
- b. Melaksanakan program promosi program latihan melalui media cetak dan elektronik;
- c. Menjadi jurulatih di institut latihan;
- d. Menyediakan penilaian dan analisis program latihan; dan
- e. Menyediakan dokumentasi program latihan dan penyelidikan.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ daerah/ negeri/ wilayah; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

4.2 Luaran

- a. Orang awam;
- b. Industri perkapalan;
- c. Kementerian/ Jabatan/ Agensi-agensi Kerajaan;
- d. Agensi antarabangsa; dan
- e. Pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan.

5. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

6. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

6.1 Pemegang Perakuan Kekompetenan; dan

6.2 *Hydrographer (Certificate of Category A & B, International Hydrographic Organisation (IHO)).*

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- 7.1 Kreatif, tekun dan sabar;
- 7.2 Minat untuk meningkat pengetahuan di dalam industri perkapalan;
- 7.3 Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat; dan
- 7.4 Mampu menunjukkan sikap kepimpinan yang baik.

8. ANCAMAN/ BAHAYA

- 8.1 Kemalangan ketika bertugas;
- 8.2 Terjebak dengan unsur penyelewangan dan rasuah.

LAMPIRAN E

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI LAUT

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

TARIKH KUAT KUASA : 2 JULAI 2009

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred A29	:	P1T1 RM1490.41	-	P1T22 RM3054.36
		P2T1 RM1561.50	-	P2T22 RM3254.01
		P3T1 RM1635.61	-	P3T22 RM3435.45
Gred A36	:	P1T1 RM2754.86	-	P1T14 RM4518.50
		P2T1 RM2968.12	-	P2T14 RM5023.63
Gred A38	:	P1T1 RM3191.98	-	P1T11 RM4722.68
		P2T1 RM3405.24	-	P2T11 RM5205.14

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) diploma dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T1);
atau

(ii) diploma dalam bidang sains nautika yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T2);
atau

- (iii) *Chief Mate of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T2);
atau

- (iv) diploma dalam kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T3);
atau

- (v) *Master of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T3);
atau

- (vi) *Chief Mate of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T4);
atau

- (vii) *Master of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: P1T5);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Laut adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred A29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja, kemahiran atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN	4. Penolong Pegawai Laut Gred A29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Penolong Pegawai Laut boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Penolong Pegawai Laut Gred A29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Penolong Pegawai Laut Gred A29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	9. Penolong Pegawai hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A36	10. Penolong Pegawai Laut Gred A29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A36 apabila telah:- (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A38	11. Penolong Pegawai Laut Gred A36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A38 apabila telah:- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN PEGAWAI
LAUT**

12. Penolong Pegawai Laut yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred A41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 [Lampiran E] kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2007, JPA(BPO)(S)324/14/21-2 Klt.12 (2)].

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....

.....

Fail Rujukan:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :

.....

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DI (nama agensi)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menggabungkan skim perkhidmatan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api berkuat kuasa pada 2 Julai 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Laut di (Nama Agensi) dengan gaji RM..... (P...T...) atas Gred P..... mulai 2 Julai 2009.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran F1** dan hendaklah **dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju menerima tawaran ini dengan mengisi borang opsyen di **Lampiran F2** dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada

2.1 Bersetuju Menerima Tawaran:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen Lampiran F2**. Tuan/ puan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut; **atau**

2.2 Tidak Bersetuju Menerima Tawaran:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen Lampiran F2**. Tuan/ puan akan kekal dalam perkhidmatan lama secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Tandatangan)

Pihak Berkuasa Melantik

**SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT**

1. Kerajaan telah memutuskan penggabungan skim **OPSYEN** perkhidmatan Merinyu Laut A17, A22, A26, Serang Gred A17, A22, A26, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut Gred A1, A11/12, A18, A22, Kelasi/ Jurumudi Gred A1, A3/4 dan Penjaga Rumah Api Gred A1, A14 kepada skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17, A22, A26. Dengan keputusan ini, jawatan tuan/ puan yang disandang akan dimansuhkan dan tuan/ puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan ataupun jika tuan/ puan tidak bersetuju akan dikekalkan dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama **tiga puluh (30) hari** mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/ puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan Pembantu Laut pada gred jawatan baharu yang sama/setaraf dengan jawatan tuan/ puan di gred jawatan yang asal. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat pertukaran **JAWATAN YANG DITAWARKAN**

pelantikan yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred dan skim perkhidmatan asal. Tuan/ puan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.

4. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN DI
BAWAH SYARAT DAN
PERATURAN
PERKHIDMATAN
BAHARU**

5. (a) Tuan/ puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baharu.

GAJI PERMULAAN

- (b) Tuan/ puan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baharu, yang jumlahnya tidak kurang satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Bagi tuan/puan yang ditukar lantik ke gred gaji yang setaraf dengan gred jawatan asal, gaji permulaan ditetapkan mengikut prinsip yang sama di atas tetapi mengikut Peringkat (P) gaji

masing-masing.

- (c) Jika mata gaji di gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip yang dinyatakan di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- (d) Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat, gaji tuan/ puan hanya akan dipindahkan ke matagaji baharu di Gred A17, sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan berdasarkan kaedah seperti di perenggan (a), (b) dan (c) di atas.

- | | | |
|----|--|--|
| 6. | Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred gaji jawatan asal pada 2 Julai 2009 sebelum diselaraskan ke Gred A17. | PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN |
| 7. | Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/ puan berubah kepada satu tarikh baharu pada tahun berikutnya selepas berkuatkuasanya pertukaran pelantikan ini. TPG baharu itu ialah pada 1 Julai tahun berikutnya. Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan, TPG tuan/ puan akan berubah kepada 1 Julai pada tahun berikutnya selepas layak ditukar lantik dan gaji tuan/ puan ditetapkan pada matagaji baharu di Gred A17. | TARIKH PERGERAKAN
GAJI |
| 8. | Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal atau tuan/ puan ditukar lantik ke gred kenaikan pangkat. Walau | TEMPOH PERCUBAAN
BAGI PEGAWAI YANG
TELAH DISAHKAN |

bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

9. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
10. Kekananan tuan/ puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
11. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baharu. **OPSYEN SKIM KWSP**
12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak dipertimbang diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

14. Pegawai yang berada di jawatan Merinyu Laut, Serang dan Juruenjin Laut yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut mengikut gred yang sama atau setaraf, boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbang Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa jika kompetensi kedua-dua skim perkhidmatan adalah sama atau tidak jauh berbeza.
- Manakala, pegawai yang berada di jawatan Pembantu Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut Gred A17, **tidak boleh mengguna pakai kelulusan PTK di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/atau kenaikan pangkat** berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
15. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.
16. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
17. Ketua Perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
- CUTI REHAT**
- PENEMPATAN**
- KETUA PERKHIDMATAN**

18. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
19. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam gred jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
20. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**. **TARIKH KUAT KUASA**
21. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Melalui Ketua Jabatan

.....
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini
membuat pilihan seperti berikut:

- * (a) **Bersetuju menerima pertukaran pelantikan** dari skim perkhidmatan
☐ di (Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Pembantu
Laut di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di (Nama
Agensi) dengan menerima gaji P..T.. sebanyak RM..... sebulan
atas Gred P.... dengan syarat-syarat pertukaran pelantikan yang
dinyatakan di **Lampiran F1** pada surat tawaran tuan;

ATAU

- * (b) **Tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan** dari
☐ skim perkhidmatan di (Nama Agensi) ke skim
perkhidmatan Pembantu Laut di bawah Klasifikasi Perkhidmatan
Pengangkutan di (Nama Agensi) dan akan kekal di jawatan asal secara
Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil.
..... bertarih dan implikasi pilihan ini
dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah
muktamad.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI**

(Tandatangan dan Cap Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT
(kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....

.....

Fail Rujukan:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :

.....

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menggabungkan skim perkhidmatan Merinyu Laut, Serang, Pembantu Juruenjin Laut/ Juruenjin Laut, Kelasi/ Jurumudi dan Penjaga Rumah Api berkuat kuasa pada 2 Julai 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Laut di (Nama Agensi) berkuat kuasa mulai sehari selepas tuan/ puan memenuhi syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran F1** dan hendaklah **dibaca bersekali dengan**

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau tidak bersetuju menerima tawaran ini dengan mengisi borang opsyen di **Lampiran F4** dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada

2.1 Menerima Tawaran:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di **Lampiran F4**. Tuan/ puan akan kekal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan asal sehingga tuan/ puan memenuhi salah satu (1) syarat berikut untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Laut:

- (i) mendapat kelayakan seperti yang ditetapkan;
- (ii) telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; atau
- (iii) telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

2.2 Tidak Bersetuju Menerima Tawaran:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di **Lampiran F4**. Tuan/ puan akan kekal dalam perkhidmatan lama secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(Tandatangan)

Pihak Berkuasa Melantik

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
(kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

.....

.....

Melalui Ketua Jabatan

.....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini
membuat pilihan seperti berikut:

☐

* (a) **Bersetuju menerima pertukaran pelantikan** ke skim perkhidmatan
Pembantu Laut sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat pertukaran
pelantikan seperti yang ditetapkan di perenggan Pekeliling
Perkhidmatan Bilangan Tahun 2009;

ATAU

☐ * (b) **Tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan** dari skim perkhidmatan ke skim perkhidmatan Pembantu Laut di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di (Nama Agensi) dan akan kekal di jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarih dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :..

Di hadapan :

.....

SAKSI**

(Tandatangan dan Cap Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan.(✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN G

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
SERANG GRED A17 KEPADA PEMBANTU LAUT GRED A17 YANG BELUM
DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A17 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	1240.89 (P1T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1292.32 (P1T10)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal Pada 1 Oktober Diberi Dahulu Di Gred Jawatan Asal Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.
2.7.2009	1292.32 (P1T10)	1343.75 (P1T11)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	1395.18 (P1T12)	TPG Gred Jawatan Baru. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G1

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
SERANG GRED A17 KEPADA PEMBANTU LAUT GRED A17 YANG TELAH
DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Mengikut Peringkat (P) Gred A17.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A17 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	1673.47 (P2T15)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1743.05 (P2T16)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal Pada 1 Oktober Diberi Dahulu Di Gred Jawatan Asal Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.
2.7.2009	1743.05 (P2T16)	1812.63 (P2T17)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	1882.21 (P2T18)	TPG Gred Jawatan Baru. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G2

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN JURUENJIN LAUT GRED A11 KE PEMBANTU LAUT GRED A17 YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DAN BELUM MEMENUHI SYARAT GENAP 6 TAHUN PERKHIDMATAN

**Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17
Sehari Selepas Memenuhi Syarat Pertukaran Perlantikan.**

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober
Tarikh Telah Memenuhi Syarat : 15 November 2009

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A11 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	1145.76 (P1T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1145.76 (P1T9)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan, Pegawai kekal secara KUP dalam skim perkhidmatan asal.
1.10.2009	1199.67 (P1T10)	-	TPG Gred Jawatan Asal Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.
16.11.2009	1199.67 (P1T10)	1292.32 (P1T10)	Gaji permulaan pertukaran pelantikan sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.
1.7.2010	-	1343.75 (P1T11)	TPG Gred Jawatan Baru Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G3

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
JURUENJIN LAUT GRED A11 KE PEMBANTU LAUT GRED A17 YANG TELAH
DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DAN TELAH MEMENUHI SYARAT.**

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A11 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	1684.74 (P3T16)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1684.74 (P3T16)	1779.36 (P1T18)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	1845.91 (P1T19)	TPG Gred Jawatan Baru Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G4**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN KELASI GRED A1 KE PEMBANTU LAUT GRED A17 YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DAN MEMILIKI KELAYAKAN SPM**

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A1 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	765.13 (P1T3)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	805.97 (P1T4)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal Pada 1 Oktober Diberi Dahulu Di Gred Jawatan Asal Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.
2.7.2009	805.97 (P1T4)	829.45 (P1T1)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	880.88 (P1T2)	TPG Gred Jawatan Baru Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G5

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN JURUMUDI GRED A4 KE PEMBANTU LAUT GRED A17 YANG MEMILIKI PMR/SRP DAN MEMENUHI SYARAT GENAP 6 TAHUN PERKHIDMATAN

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A4 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	1446.33 (P1T10)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1645.55 (P2T11)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal Ialah Pada 1 Oktober Diberi Dahulu Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Diberi Anjakan Gaji Mengikut Keputusan PPSM.
2.7.2009	1645.55 (P2T11)	1712.81 (P1T17)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	1779.36 (P1T18)	TPG Gred Jawatan Baru Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G6

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN JURUENJIN LAUT GRED A18 KE PEMBANTU LAUT GRED A17.

Juruenjin Laut Gred A18 Yang Berada Di Peringkat 1 (P1) Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17. Bagi Yang Berada Di Peringkat 2 (P2) Gaji Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 3 (P3) Gred A17.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A18 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	1553.94 (P2T12)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1553.94 (P2T12)	1626.54 (P3T13)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai
1.7.2010	-	1699.14 (P3T14)	TPG Gred Jawatan Baru Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G7

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
MERINYU LAUT GRED A26 KE PEMBANTU LAUT GRED A26.
(KHAS UNTUK PENYANDANG)**

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Mengikut Peringkat (P) Gred A26.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A26 (RM)	Gaji Baru Gred A26 (RM)	Catatan
1.7.2009	3302.39 (P2T9) Maksimum	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	3302.39 (P2T9) Maksimum	3411.29 (P2T10) KUP	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai. Jadual Gaji KUP Hendaklah Dipohon Dari Bahagian Saraan JPA.
1.7.2010	-	3411.29 (P2T10) KUP	TPG Gred Jawatan Baru Pergerakan Gaji Biasa. Tiada Pergerakan Gaji Diberi Kerana Pegawai Berada Di Matagaji Maksimum. Pegawai Kekal Di Jadual Gaji KUP.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

KUP : Khas Untuk Penyandang

LAMPIRAN G8**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN PENJAGA RUMAH API GRED A14 KE PEMBANTU LAUT GRED A17.**

Gaji Permulaan Ditetapkan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred A17.

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A14 (RM)	Gaji Baru Gred A17 (RM)	Catatan
1.7.2009	2212.42 (P2T10) Maksimum	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	2212.42 (P2T10) Maksimum	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal ialah Pada 1 Oktober. Tiada Pergerakan Gaji Yang Diawalkan Kerana Pegawai Telah Berada Di Matagaji Maksimum.
2.7.2009	2212.42 (P2T10) Maksimum	2299.69 (P2T24) Maksimum	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai
1.7.2010	-	2299.69 (P2T24) Maksimum	TPG Gred Jawatan Baru Pergerakan Gaji Biasa. Tiada Pergerakan Gaji Diberi Kerana Pegawai Berada Di Matagaji Maksimum.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN G9**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
JURUENJIN LAUT GRED A18 KE PEMBANTU LAUT GRED A17 SECARA
KHAS UNTUK PENYANDANG**

**Gaji Permulaan Pembantu Laut Gred A17 Ditetapkan Kepada Matagaji Baru
Mengikut Peringkat (P) Di Gred A18**

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred A18 (RM)	Gaji Baru Gred A18 (RM)	Catatan
1.7.2009	983.74 (P1T4)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1035.17 (P1T5)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal Pada 1 Oktober Diberi Dahulu Di Gred Jawatan Asal Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.
2.7.2009	1035.17 (P1T5)	1086.60 (P1T6)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Juruenjin Laut Gred A18 Ke Pembantu Laut Gred A17 Secara Khas Untuk Penyandang Ditawarkan Kepada Pegawai Menggunakan Jadual Gaji Matriks Gred A18.
1.7.2010	-	1138.03 (P1T7)	TPG Gred Jawatan Baru Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji